

GARIS PANDUAN UNTUK PERTUKARAN STATUS SYARIKAT

PERTUKARAN DARIPADA SYARIKAT AWAM KEPADA SYARIKAT PERSENDIRIAN SEKSYEN 41(1) AKTA SYARIKAT 2016

Syarikat awam yang mempunyai modal syer boleh memohon untuk bertukar status kepada syarikat persendirian dengan kelulusan suatu **ketetapan khas**. Syarikat hendaklah menyerahkan simpan notis pertukaran tersebut kepada Pendaftar, berserta perubahan nama yang bersesuaian.

PROSEDUR PERMOHONAN PERTUKARAN STATUS SYARIKAT

Setiausaha syarikat perlu mengemukakan salinan cetakan dokumen permohonan ke kaunter SSM terdekat (Ibu Pejabat, pejabat negeri atau cawangan – *tidak termasuk UTC*), iaitu:

- a. Borang Seksyen 41(1), Akta Syarikat 2016 (AS 2016) *Notice of conversion from A Public Company to A Private Company* diakses di pautan;
[https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Document/9_notice_of_conversion_from_a_public_company_to_a_private_company_-_section_41\(1\).pdf](https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Document/9_notice_of_conversion_from_a_public_company_to_a_private_company_-_section_41(1).pdf)
- b. Bayaran fi adalah RM500.

PERTUKARAN DARIPADA SYARIKAT PERSENDIRIAN KEPADA SYARIKAT AWAM SEKSYEN 41(2) AKTA SYARIKAT 2016

Syarikat persendirian boleh memohon untuk bertukar status kepada syarikat awam melalui kelulusan **ketetapan khas**. Notis pertukaran dan perubahan nama yang bersesuaian perlu diserahkan kepada Pendaftar.

PROSEDUR PERMOHONAN PENUKARAN STATUS SYARIKAT

Setiausaha syarikat perlu mengemukakan salinan cetak permohonan pertukaran status ke kaunter SSM berhampiran sama ada di Ibu Pejabat, Negeri atau Cawangan (kecuali UTC).

- a. Borang Seksyen 41(2) AS 2016 *Notice of Conversion from A Private Company to A Public Company*.
[https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Document/10_notice_of_conversion_from_a_private_company_to_a_public_company_-_section_41\(2\).pdf](https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Document/10_notice_of_conversion_from_a_private_company_to_a_public_company_-_section_41(2).pdf)
- b. Borang Seksyen 189(1) AS 2016 *A statement in lieu of Prospectus*
https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/PDF%20Tab%202/42_lodgement_of_statement_in_lieu_of_prospectus-section_1891.pdf
- c. Jadual Kedua, Seksyen 189 AS2016.
- d. Borang Seksyen 190(3) & (4), 41(2)(C) AS2016 *Statutory declarations on Conversion of Company Status from a Private Company to Public Company*

[https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Document/s%20190\(3\)\(4\),%2041\(2\)\(c\)_Statutory_declaration_on_entitlement_to_commence_business%20r2.pdf](https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Document/s%20190(3)(4),%2041(2)(c)_Statutory_declaration_on_entitlement_to_commence_business%20r2.pdf)

e. Bayaran Fi adalah RM500.

MAKLUMAT PENTING

- Berikut adalah perkara yang perlu diisi dengan lengkap bagi *Statement in Lieu of Prospectus (Second Schedule), AS 2016*:Jumlah dan pecahan saham;
- Nama dan bilangan pengarah;
- Tandatangan setiap pengarah; dan
- Maklumat lain yang berkenaan.

PIAGAM PELANGGAN

Permohonan lengkap yang diserahkan simpan bersama bayaran fi akan diproses dalam tempoh **satu (1) hari bekerja**.

VERIFIKASI PERMOHONAN

SEKIRANYA PERMOHONAN DILULUSKAN

Tiada sebarang perakuan notis atau sijil akan dikeluarkan oleh Pendaftar.

SEKIRANYA PERMOHONAN DIKUERI

Pemohon perlu hadir semula ke kaunter (pejabat yang sama) untuk mengambil semula salinan permohonan serta surat kuiri dengan mengemukakan resit bayaran. Permohonan yang telah dilengkapi semula hendaklah diserahkan kembali ke kaunter untuk diproses mengikut Piagam Pelanggan.